

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI**

**TARIKH : 22 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah peratus sasaran atau KPI mengikut semua Kementerian bertanggungjawab yang dicapai dalam Pelan Tindakan OKU 2016-2022 serta apakah lanjutan pelan strategik yang Kementerian akan laksanakan bagi memperkasakan OKU bermula tahun 2023.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya atau PTOKU 2016-2022 telah masuk tahun terakhir pelaksanaannya. Terdapat 107 program/tindakan berserta dengan indikator pengukuran prestasi telah dan sedang dilaksanakan dengan kerjasama 20 kementerian/agensi yang dilantik sebagai agensi peneraju iaitu:

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM);
2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
3. Jabatan Peguam Negara;
4. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia;
5. Kementerian Pengangkutan;
6. Kementerian Komunikasi dan Multimedia;
7. Bank Negara Malaysia;
8. Kementerian Sumber Manusia;
9. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia;
10. Kementerian Pendidikan Malaysia;
11. Kementerian Kesihatan Malaysia;
12. Kementerian Pengajian Tinggi;
13. Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga Negara;
14. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
15. Kementerian Belia dan Sukan;
16. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya;
17. Jabatan Perdana Menteri;
18. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia;
19. Agensi Pengurusan Bencana Negara; dan
20. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Kementerian ini amat menghargai kerjasama dan komitmen semua kementerian dan agensi peneraju bagi menjayakan PTOKU 2016-2022 ini. Pada masa ini, kementerian sedang dalam tindakan meneliti serta menganalisis pencapaian program dan tindakan berdasarkan maklum

balas yang diterima daripada 20 buah agensi peneraju yang terlibat. Satu laporan pencapaian PTOKU yang akan disediakan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya atau MKBOKU Bilangan 2 Tahun 2022 yang dijadualkan pada bulan Jun 2022.

Pembangunan PTOKU yang komprehensif memerlukan tindakan bersepada semua pihak. Untuk makluman, Kementerian ini turut menyediakan perancangan gerak kerja bagi penyediaan PTOKU yang baharu. Dapatan daripada pencapaian PTOKU 2016-2022, hasil kajian yang telah dijalankan dan cadangan yang diterima daripada komuniti OKU akan dijadikan input bagi pembangunan PTOKU baharu tersebut. Pembangunan PTOKU yang baharu ini juga akan mengambil kira pandangan daripada kementerian dan agensi yang terlibat bagi meneruskan inisiatif sedia ada dan pewujudan inisiatif baharu selaras dengan perkembangan semasa. KPWKM akan terus mengutamakan keperluan komuniti OKU bagi merangka pelan tindakan OKU yang tuntas dan lebih proaktif dengan memberikan ruang dan peluang kepada komuniti OKU untuk terlibat bersama-sama membangunkan pelan tindakan tersebut menerusi pelbagai platform yang akan disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI DATO' SIDEK**

**TARIKH : 22 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keberkesanan dan impak Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang diperkenalkan pada tahun 2020 dalam menangani isu perkahwinan kanak-kanak di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam usaha menangani perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan dan pemantauan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (Pelan). Terkini, mesyuarat Jawatankuasa Pemandu yang diadakan pada 3 September 2021 bagi tujuan melaporkan status pelaksanaan serta membincangkan isu dan cadangan penambahbaikan terhadap setiap program. Berdasarkan maklum balas yang telah diterima, daripada 58 program yang telah dirancang, didapati sebanyak 41 program telah bermula, manakala selebihnya 17 program sedang dalam perancangan. Program-program yang telah dilaksanakan sama ada melalui program sedia ada ataupun dengan menambahbaik program yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan kes perkahwinan bawah umur yang direkodkan pada tahun 2016 sehingga 2020 menunjukkan trend penurunan perkahwinan yang signifikan. Sebanyak 2,288 kes telah direkodkan pada tahun 2016, 2,107 kes pada tahun 2017, 1,856 kes pada tahun 2018, 1,459 kes pada tahun 2019, dan diikuti sebanyak 1,124 kes pada tahun 2020 iaitu tahun pertama pelaksanaan Pelan dan telah menunjukkan penurunan sebanyak 335 kes atau 23 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu tahun 2019.

Statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pula merekodkan jumlah kelulusan kes permohonan kahwin bawah umur orang Islam di Mahkamah Syariah bagi tempoh tiga (3) tahun sebelum penguatkuasaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Permohonan Berkahwin Bawah Umur, iaitu antara 1 September 2015 hingga 31 Ogos 2018 adalah sebanyak 2,885 kes. Manakala, jumlah kelulusan kes permohonan kahwin bawah umur yang direkodkan selepas penguatkuasaan SOP tersebut, iaitu antara 1 September 2018 hingga 31

**SOALAN NO. : 26**

Oktober 2021 pula adalah sebanyak 2,098 kes iaitu penurunan sebanyak 787 kes atau 27 peratus.

Di kesempatan ini, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kementerian, jabatan, agensi dan badan bukan kerajaan sama ada di peringkat persekutuan dan negeri atas kerjasama yang telah diberikan bagi menangani isu perkahwinan bawah umur daripada terus berlarutan. Menyedari bahawa Pelan ini merupakan satu pelan yang dinamik, maka saranan dan pandangan dari semua pihak amat dialu-alukan supaya pelan strategi ini sentiasa dapat ditambah baik dan relevan untuk menangani punca perkahwinan bawah umur dengan lebih berkesan, komprehensif dan holistik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' NELSON A/L  
RENGANATHAN**

**TARIKH : 22 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dato' Nelson a/l Renganathan minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah rancangan jangka panjang Kementerian bagi menghadapi situasi populasi menua (*aging population*) di negara ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dijangka mencapai status negara tua menjelang tahun 2030 apabila 15.3% daripada populasi negara mencapai umur 60 tahun dan ke atas. Dalam hubungan ini, usaha bersepadu sedang diambil untuk mempertingkat penjagaan, perlindungan dan sokongan bagi membolehkan warga emas menjadi anggota masyarakat yang aktif. Justeru itu, kerajaan telah membuat perancangan dan mengambil langkah sewajarnya bagi menghadapi perkara ini. Antara inisiatif yang telah dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi menghadapi situasi ini adalah mengkaji dan meneliti semula Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan juga pelaksanaan satu kajian berkenaan pewujudan satu akta khusus bagi warga emas. KPWKM sedang dalam proses menuju 'Satu Pasukan Projek Khas' dianggotai oleh pihak kerajaan, swasta, akademik, dan NGO bagi tujuan ini.

Selain daripada itu, KPWKM juga melaksanakan beberapa kajian lain seperti "Kajian Diagnostik bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia" dan "Kajian *Preparation Towards an Aged Nation by 2020 – Age-friendly City (Taiping)*". Hasil daripada semua kajian ini akan diteliti dan diambil kira dalam persediaan negara ke arah menjadi negara tua termasuk dari segi penyediaan khidmat penjagaan kepada warga emas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI HAJAH  
ZURAINAH BINTI MUSA**

**TARIKH : 22 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah sokongan yang diberi oleh Kerajaan bagi memastikan institusi perkahwinan dijaga sebelum dan selepas perceraian dilangsungkan memandangkan kes perceraian semakin meningkat. Perkara ini penting demi memastikan kebajikan anak (jika ada) terbelia walaupun pasangan sudah bercerai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin akan kepentingan memperkuatkan institusi perkahwinan sebagai asas kestabilan sesebuah keluarga.

Justeru, Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan pengetahuan pasangan berkahwin menerusi program pendidikan berkaitan ilmu perkahwinan dan kekeluargaan di samping khidmat sokongan keluarga seperti berikut :

1. Program Kursus pra perkahwinan SMARTSTART iaitu salah satu program pengukuhan institusi keluarga khusus kepada pasangan yang bakal berkahwin dan mereka yang telah mendirikan rumah tangga dalam tempoh lima (5) tahun. Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pasangan mengenai alam perkahwinan. Hasil daripada kursus ini dapat membantu pasangan membentuk keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan. Kursus ini dilaksanakan dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan agama. Mulai tahun 2011 sehingga Disember 2021, sebanyak 699 program telah dilaksanakan dan seramai 28,219 peserta telah menerima manfaat daripada program berkenaan.
2. Program SMARTSTART *2nd Honeymoon* iaitu program bagi memperkasakan perkahwinan dan membantu mengurangkan peningkatan kadar penceraian di Malaysia khusus kepada pasangan dengan usia perkahwinan lima tahun dan ke atas. Program ini juga bertujuan untuk menyemarakkan semula rasa cinta antara pasangan suami isteri agar hubungan perkahwinan dapat dimantapkan dan disuburkan seperti tahun pertama mereka membina mahligai cinta. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama badan bukan kerajaan dan badan agama. Mulai 2013 hingga Disember 2021, sebanyak 41

program telah berjaya dilaksanakan melibatkan 2,091 peserta mendapat manfaat.

3. Khidmat sokongan kepada pasangan terus diperkuuhkan dan diperluaskan secara kaedah tele-kaunseling dan e-kaunseling. Kementerian melalui LPPKN telah mewujudkan talian bebas tol 1-800-820-300 bagi memberi khidmat kaunseling secara maya (*virtual*) khususnya untuk membantu pasangan yang mempunyai masalah dalam perkahwinan semasa tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP). Bagi tempoh September 2021 hingga 16 Februari 2022, sebanyak 2,056 kes telah diterima.
4. Sebagai penambahbaikan kepada modul SMARTSTART sedia ada, pada tahun 2022 akan diperkenalkan modul SMARTSTART 2.0 yang akan dilaksanakan mengikut 3 fasa atau peringkat perkahwinan seperti berikut :
  - (i) Fasa Pra Perkahwinan (sebelum berkahwin) bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pasangan tentang persediaan ke arah perkahwinan;
  - (ii) Fasa Romantika (usia perkahwinan 1-2 tahun) bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran ke arah memahami pasangan serta merancang masa depan keluarga; dan
  - (iii) Fasa *2nd Honeymoon* (usia perkahwinan 3-5 tahun) bertujuan memberi kemahiran pengurusan keluarga dan menyemarak kemesraan pasangan.

Selain itu, Kementerian melalui LPPKN turut mengambil langkah proaktif membantu pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menangani kes perceraian dalam kalangan pasangan bukan Islam menerusi penglibatan kaunselor LPPKN dalam sesi Tribunal Perkahwinan dan Perdamaian di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI**

**TARIKH : 22 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status semasa pindaan Akta OKU 2008 yang tertangguh lebih dua tahun dan bilakah akan dibentangkan kepada Parlimen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, usaha untuk menyemak semula Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 sedang giat dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kementerian kini sedang dalam proses pelantikan ahli Pasukan Projek Khas yang akan bertanggungjawab melaksanakan gerak kerja semakan semula Akta OKU 2008 dan melaporkan kemajuannya secara berkala kepada kementerian.

Untuk makluman, dua perbincangan gerak kerja Semakan Akta OKU 2008 telah diadakan pada 14 Disember 2021 dan 20 Januari 2022 untuk memperincikan mekanisme dan hala tuju gerak kerja yang akan dilaksanakan. Antara hasil perbincangan tersebut, enam bengkel Semakan Akta OKU 2008 telah dirancang dan akan dijalankan sepanjang tahun ini. Pelbagai pihak berkepentingan akan dilibatkan untuk menyemak semula Akta OKU ini bersama-sama dengan kementerian selaras dengan Teras Strategik Enam, Pelan Tindakan OKU 2016-2022 yang menekankan penyertaan OKU dalam proses perancangan dan membuat keputusan bagi dasar negara. Pihak berkepentingan yang akan dilibatkan ialah wakil-wakil pertubuhan komuniti OKU, ahli akademik dan pakar OKU serta wakil-wakil kementerian, jabatan dan agensi yang berkepentingan dengan semakan semula Akta OKU 2008. Bengkel pertama bersama-sama dengan institusi OKU telah diadakan pada 10 dan 11 Mac 2022.

Proses semakan semula Akta OKU 2008 dijangka selesai pada hujung tahun 2022. Sehubungan dengan itu, pembentangan semakan semula Akta OKU 2008 kepada Parlimen dijangka dapat dilaksanakan pada tahun 2023. Kementerian mengambil maklum akan perhatian yang diberikan oleh rakyat Malaysia, khususnya komuniti OKU berkaitan dengan semakan semula Akta OKU 2008. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan atas perhatian, cadangan dan penglibatan pelbagai pihak untuk memastikan Akta OKU 2008 dapat

**SOALAN NO. : 78**

ditambah baik sesuai dengan perkembangan dan keperluan semasa komuniti OKU dalam negara.

Sekian, terima kasih.